ڤجابت كتوا حاكيم شرعي نڬري ڤولاو ڤينڠ

**PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG**

**No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang**

Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427

Rujukan kami : JKSPP.600-1/3/2 (25)
Tarikh : 22 Disember 2016
22 Rabiul Awwal 1438H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar
Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 9 TAHUN 2016**
**PENETAPAN HAD MASA PEMFAILAN PLIDING**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim, dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Pegawai Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 2 Tahun 2016 pada 22 April 2016 telah meluluskan usul Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Pemantauan dan Penyelesaian kes tertunggak bil. 2 tahun 2016 bahawa :-

1. Pada kehadiran kali pertama Defendan atau Peguam Syarie Defendan pada mana-mana peringkat sebutan, jika saman berjaya dilaksanakan dan Defendan mempertikaikan tuntutan Plaintif, Hakim atau Pendaftar hendaklah mengarahkan supaya Defendan memfailkan ke Mahkamah dan menyampaikan suatu pembelaan dan/atau tuntutan balas kepada Plaintif dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh sebutan tersebut.

2. Plaintif, jika dia berhasrat untuk membuat pembelaan terhadap tuntutan balas itu hendaklah memfailkan ke Mahkamah dan menyampaikan kepada Defendan suatu pembelaan kepada tuntutan balas itu dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Penyata Pembelaan dan Tuntutan Balas itu diterima.



This PDF was created using the PDF CONVERTER Elite software
To remove this watermark, please license this product at www.pdfconverter.com

3. Mahkamah, jika telah memberikan kebenaran setelah mempertimbangkan alasan yang mencukupi hendaklah mengarahkan Plaintif dan/atau Defendan untuk memfailkan dan menyerahkan suatu jawapan kepada pembelaan, sama ada pembelaan itu ialah pembelaan terhadap suatu tuntutan atau tuntutan balas dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Penyata Pembelaan dan Tuntutan Balas itu diterima.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian.

**"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"**
**" SYARIAH ASAS KEADILAN"**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN DSPN., SAP., PJK. )**
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang

This PDF was created using the PDF CONVERTER Elite software
To remove this watermark, please license this product at www.pdfconverter.com

**PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG**
**No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang**
Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427

Rujukan kami : JKSPP.600-1/3/2 (26)
Tarikh : 22 Disember 2016
22 Rabiul Awwal 1438H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar
Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 10 TAHUN 2016**
**PENGELUARAN PERINTAH FARAID SELAPIS DAN BERLAPIS**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim, dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Pegawai Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 4 Tahun 2016 pada 14 Oktober 2016 dan Objektif Kualiti MS ISO 9001:2008 pindaan 10 November 2014 bahawa:

a) Pengeluaran Perintah Faraid Selapis hendaklah dikeluarkan dalam tempoh satu (1) hari iaitu pada hari siasatan, keputusan dan pengiraan dibuat.
b) Pengeluaran Perintah Faraid Berlapis hendaklah dikeluarkan dalam tempoh lima (5) hari selepas siasatan, keputusan dan pengiraan dibuat.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian.

**"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"**
**" SYARIAH ASAS KEADILAN"**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN DSPN., SAP., PJK.)**
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang



This PDF was created using the PDF CONVERTER Elite software
To remove this watermark, please license this product at www.pdfconverter.com

قجابت كتوا حاكم شرعي نكري ڤولاو ڤينڠ
**PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG**
**No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang**
Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427

Rujukan kami : JKSPP.600-1/3/2 (4)
Tarikh : 22 Disember 2016
22 Rabiul Awwal 1438H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar
Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 11 TAHUN 2016**
**CARIAN TERKINI BAGI DOKUMEN CARIAN HAKMILIK TANAH DI MAHKAMAH**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim, dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Pegawai Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 4 Tahun 2016 pada 14 Oktober 2016 telah bersetuju dan memutuskan bahawa dokumen carian hakmilik tanah, samada Carian Rasmi atau Carian Persendirian bagi kegunaan ketika pendaftaran tiap-tiap tuntutan di Mahkamah hendaklah carian yang terkini dan tidak melebihi tempoh enam (6) bulan dari tarikh carian tersebut dibuat.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian.

**"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"**
**" SYARIAH ASAS KEADILAN"**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN DSPN., SAP., PJK.)**
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang


This PDF was created using the PDF CONVERTER Elite software
To remove this watermark, please license this product at www.pdfconverter.com

ڤجابت كتوا حاكيم شرعي نڬري ڤولاو ڤينڠ

**PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG**
**No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang**
Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427

Rujukan kami : JKSPP.600-1/3/2 (28)
Tarikh : 22 Disember 2016
22 Rabiul Awwal 1438H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar
Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 12 TAHUN 2016**
**PEMBATALAN PEKELILING BILANGAN 11 TAHUN 2014**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Pegawai Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 4 Tahun 2016 pada 14 Oktober 2016 telah bersetuju dan memutuskan bahawa, arahan untuk mengambil dan menyimpan salinan asal Surat Perakuan Nikah/Ruju' pihak-pihak ketika sebutan kali pertama bagi apa-apa kes pembubaran perkahwinan adalah dibatalkan.

Pekeliling Ketua Hakim Syarie Bilangan 11 Tahun 2014 adalah DIBATALKAN

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

**"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"**
**" SYARIAH ASAS KEADILAN"**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN DSPN., SAP., PJK.)**
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang



This PDF was created using the PDF CONVERTER Elite software
To remove this watermark, please license this product at www.pdfconverter.com

PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG
No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang
Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427

Rujukan kami : JKSPP.600-1/3/2 (29)
Tarikh : 22 Disember 2016
22 Rabiul Awwal 1438H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar
Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 13 TAHUN 2016**
**PENAMAAN WARIS SI MATI SEBAGAI PIHAK DALAM KES PERMOHONAN PENGESAHAN HIBAH**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim, dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Pegawai Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 4 Tahun 2016 pada 14 Oktober 2016 telah bersetuju dan memutuskan bahawa, penamaan pihak-pihak bagi kes Permohonan Pengesahan Hibah yang melibatkan kematian penghibah atau mana-mana benefisiari hendaklah melibatkan semua ahli waris yang berhak ke atas suatu bahagian harta pusaka si Mati tersebut.

2. Oleh itu, tiap-tiap permohonan kes tersebut hendaklah disertakan bersama Perintah Faraid.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian.

**"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"**
**"SYARIAH ASAS KEADILAN"**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN DSPN., SAP., PJK.)**
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang



This PDF was created using the PDF CONVERTER Elite software
To remove this watermark, please license this product at www.pdfconverter.com

ڤجابت کتوا حاکيم شرعي نݢري ڤولاو ڤينڠ

**PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG**

**No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang**

Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427

Rujukan kami : JKSPP.600-1/3/2 (30)
Tarikh : 22 Disember 2016
22 Rabiul Awwal 1438H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar
Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 14 TAHUN 2016**
***KEY PERFORMANCE INDEX* (KPI) PENYEDIAAN REKOD RAYUAN**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim, dan Pendaftar kepada keputusan Diskusi Isu-isu Perundangan (Prosedur Rayuan) pada 24 Oktober 2016 telah bersetuju dan memutuskan bahawa, penyediaan rekod rayuan bagi kes rayuan Perayu yang tidak diwakili di bawah *Seksyen 142 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004* hendaklah disiapkan dalam tempoh tiga (3) bulan.

2. Arahan ini adalah dijadikan *Key Performance Index* (KPI) ke atas semua Hakim dan Pegawai yang berkaitan dan perlu dimasukkan di dalam sasaran kerja tahunan (SKT) masing-masing untuk dinilai pada setiap tahun.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian.

**"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"**
**"SYARIAH ASAS KEADILAN"**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN DSPN., SAP., PJK.)**
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang

Certified to ISO 9001 : 2000
Cert. No.: AR 3103



This PDF was created using the PDF CONVERTER Elite software
To remove this watermark, please license this product at www.pdfconverter.com

ڤجابت كتوا حاكيم شرعي نكري ڤولاو ڤينڠ
PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG
No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang
Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427

Rujukan kami : JKSPP.600-1/3/2 (31)
Tarikh : 22 Disember 2016
22 Rabiul Awwal 1438H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar
Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 15 TAHUN 2016**
**PROSIDING PERMOHONAN MELANJUTKAN TEMPOH RAYUAN DAN PERMOHONAN MENANGGUHKAN PERLAKSANAAN PERINTAH**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim, dan Pendaftar kepada keputusan Diskusi Isu-isu Perundangan (Prosedur Rayuan) pada 24 Oktober 2016 telah bersetuju dan memutuskan bahawa, prosiding permohonan melanjutkan tempoh rayuan (077) dan permohonan menangguhkan perlaksanaan perintah (064) hendaklah dijalankan di Mahkamah yang keputusannya dirayu.

2. Oleh itu, tiap-tiap permohonan berkenaan hendaklah dibuat di Mahkamah yang keputusannya dirayu tersebut.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian.

**"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"**
**"SYARIAH ASAS KEADILAN"**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN DSPN., SAP., PJK.)**
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang

QUALITY SYSTEM SIRIM STANDARDS MALAYSIA ISO/IEC GUIDE 62 : 1999
Certified to ISO 9001 : 2008
Cert. No. : AR 3103



This PDF was created using the PDF CONVERTER Elite software
To remove this watermark, please license this product at www.pdfconverter.com